

Headline	6.7 juta lelaki Indonesia melanggan pelacur		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	20 Apr 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	25	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	195 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,854
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,562



6.7 juta lelaki Indonesia melanggan pelacur

BATAM, Kepulauan Riau - Statistik terbaharu Kementerian Kesihatan Indonesia (Kemenkes) mendapati, seramai 6.7 juta lelaki di seluruh negara ini merupakan pelanggan pelacur dan berisiko tinggi untuk menyebarkan penyakit AIDS.

Menterinya, Nafsiah Mboi baru-baru ini berkata, statistik 2012 itu menunjukkan golongan lelaki merupakan ejen penyebaran virus HIV yang paling tinggi di Indonesia kerana sikap mereka suka melanggan pelacur.

Katanya, terdapat kira-kira 230,000 pelacur di seluruh Indonesia terutamanya di kawasan pelabuhan dan sempadan wilayah.

"Biasanya, setiap pelabuhan dikesan ada aktiviti pelacuran dan jumlah lelaki yang melanggan pelacur di kawasan berkenaan amat tinggi.

"Kira-kira 75,000 daripada 6.7 juta pelanggan tersebut didapati menggunakan suntikan dadah,

sekali gus menyebabkan 4.9 juta wanita yang dinikahi terdedah kepada risiko jangkitan HIV.

"Di Indonesia, seramai 4.9 juta wanita berkahwin dengan lelaki yang pernah melanggan pelacur dan mereka terdedah kepada ancaman penyakit maut ini," ujarinya kepada **inilah.com**.

Selain itu, Nafsiah berkata, kes ibu hamil yang dijangkiti HIV daripada suami mereka dilaporkan terus meningkat pada setiap tahun.

Laporan Kemenkes pada tahun lalu menunjukkan, golongan berusia 25 hingga 49 tahun merupakan kelompok paling berisiko dijangkiti HIV dengan catatan sebanyak 73.7 peratus.

Jelas laporan itu lagi, kelompok usia 20 hingga 24 tahun pula berada di kedudukan kedua dengan jumlah 15 peratus, manakala golongan berusia 50 tahun ke atas sebanyak 4.5 peratus. - AGENSI



SEORANG pelanggan berunding mengenai harga langganan seorang pelacur di lokasi yang tidak diketahui. - AGENSI